

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2012
2 ½ jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SELARAS NEGERI MELAKA
2012**

**BAHASA MELAYU
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.

Jawab semua soalan.

*Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks
Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman.

**[Lihat halaman sebelah]
SULIT**

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang langkah-langkah melestarikan teknologi hijau dan kekangan untuk melaksanakannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perubahan iklim dunia ketika ini mengakibatkan beberapa fenomena yang boleh mengancam kehidupan manusia jika tidak ditangani dengan segera. Kenaikan aras laut, lapisan ozon yang semakin menipis, pencairan bongkah ais, kejadian ribut dan gempa bumi adalah antara fenomena yang menakutkan umat sejagat. Lantaran itu, pemimpin tertinggi negara ini bersepakat memberikan komitmen dan tindakan jitu untuk bersama-sama mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau.

Di negara kita, teknologi hijau sedang berkembang penggunaannya dalam pelbagai bidang. Kerajaan sendiri memperuntukkan dana sebanyak RM1.5 bilion dalam belanjawan 2010 bagi mempromosikan penggunaan teknologi hijau. Faedah teknologi hijau ini begitu banyak seperti meningkatkan produktiviti sumber semula jadi dan populasi serta mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk merawat setiap pencemaran yang berlaku. Penggunaan teknologi hijau mampu merangsang inovasi dan perubahan cara hidup seharian manusia. Kerajaan turut menstruktur semula dan menambah fungsi beberapa kementerian seperti mewujudkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Untuk memastikan adanya penyelarasan di peringkat tertinggi, kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau.

Untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar teknologi hijau, remaja ada peranan mereka sendiri. Golongan remaja sebagai pewaris negara ini hendaklah *mengimplementasikan* dasar teknologi hijau dalam kegiatan seharian. Remaja hari ini mempunyai tanggungjawab besar bagi menjaga bumi tercinta. Remaja mesti menghayati pendidikan mengenai teknologi hijau, khususnya tonggak dan objektif yang menjadi dasar teknologi hijau. Sebenarnya, sebahagian besar rakyat Malaysia masih belum mempunyai kesedaran yang tinggi dan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau. Misalnya, plastik, kaca, kertas dan sisa makanan tidak dibuangkan di dalam tong yang berasingan. Oleh hal demikian, kanak-kanak seawal usia rebung mesti dididik untuk menghargai alam semula sekitar.

Tidak ada gunanya kerajaan memperuntukkan bajet bagi mempromosikan teknologi hijau jika kita semua tidak menukar minda. Semua pihak hendaklah mempraktikkan teknologi hijau dari rumah, bermula dalam lingkungan keluarga dan rakan. Tentu ada antara kita yang pernah melihat atau didedahkan kepada kempen pembuangan sampah. Amalan kitar semula melalui penyediaan empat tong sampah berasingan di setiap kawasan kejiranan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Tegasnya, penjagaan alam sekitar bukan tanggungjawab kerajaan. Sebaliknya, tanggungjawab dan amanah menjaga alam sekitar untuk kehidupan kini dan masa depan mesti dipikul bersama-sama. Hakikatnya, kita meminjam dunia hari ini daripada generasi masa hadapan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
'Teknologi Hijau, Peranan Remaja Dituntut oleh
Muhamad Haffy Zikry, Dewan Siswa, Februari 2010)

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

2

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i. Berikan maksud rangkai kata *mengimplementasikan dasar* ? [2 markah]
- ii. Apakah faedah-faedah teknologi hijau? [3 markah]
- iii. Pada pendapat anda, mengapakah program kitar semula kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat? [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Dia mahu kasi orang, tak ada orang mahu,” “Kalau tak ada orang mahu dia mahu buang itu budak,” Bibik menerangkannya lagi. Mak Timah terperanjat mendengar penerangan bibik. Anaknya Katijah dan Munah, merengek-rengok lalu menyuruh Mak Timah mengambil budak itu. Timbul rasa kasihan mendengar nasib bayi yang tidak berdosa itu. Munah dan Katijah terus meminta dia mengambil anak Siew Lan. Sementara itu, hati Mak Timah bertambah belas mengenangkan budak itu akan dibuang. Dia belas pada kanak-kanak yang tidak berdosa. Mak Timah terfikir, dia akan mendapat pahala jika mengambil budak itu. Pada Mak Timah, jika pandai dibela akan besar juga nanti budak itu.

“*Lu*, mahu anak Siew Lan, ambillah. Kita kasi, kalau *lu* mahu. Semua duit angkat sumpah, kita kasi. Kita kasi lagi *lu* duit satu ratus lima puluh ringgit.” Bibik membuat tawaran seolah-olah menjual beli barang-barang lagaknya. Mak Timah terfikirkan hutang yang sedang ditanggung oleh suaminya. Duit seratus lima puluh ringgit pada masa itu, lumayan betul.

“Ambillah mak, ambillah. Jah nak adik, Jah nak adik!” Katijah merengek, meminta dia mengambil anak Siew Lan.

(Dipetik daripada
Cerpen „Pungut Alias Zahara Alias Yap Siew Hong“
Oleh Mohamed Latiff Mohamed
dalam antologi Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

3

- (i) Mengapakah Mak Timah mengambil anak Siew Lan? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang sesuai diambil untuk membendung gejala pembuangan bayi ? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan satu persoalan yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata inang pengasuh itu, “Sungguhlah tuan puteri itu beranak seorang laki-laki bernama Indera Nata tetapi sekarang ini Indera Nata itu telah lamalah sudah hilang disuruh oleh Raja Rom pergi mencari gajah bergandingan emas serta tuan puteri tujuh orang.”

Maka kata Indera Nata, “Hai mak inang, akulah ini Indera Nata serta tuan puteri tujuh orang itu dan adalah aku bawa ini!”

Mak mak inang pun segeralah membukakan pintu itu lalu ia pergi memberitahu akan Tuan Puteri Cenderawati. Setelah bondanya menengar Indera Nata datang itu maka segeralah ia mendapatkan anakanda itu.

Arakian maka tuan puteri pun terlihatlah kepada tuan puteri tujuh orang itu dibawa oleh anakanda itu. Maka hati bondanya pun terlalu sukacita melihat anakanda itu. Maka lalu ia memeluk mencium anaknya itu seraya katanya, “Wah anakku tuan, hiduplah rasa hatiku tuan dan nyawa bonda tuan adapun selama anakku pergi itu tiadalah aku mau makan dan minum dan tidur daripada sangat *aku bercintakan anakku* ini!”

Hatta maka Indera Nata pun lalu menyembah serta sujud kepada bondanya itu serta kata bondanya sambil bercucuran air matanya, “Hai anakku Indera Nata, betapakah anakku beroleh gajah bergandingan emas ini dan tuan puteri sekalian?”

(Dipetik daripada “Hikayat Indera Nata” dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *aku bercintakan anakku*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang berlaku terhadap Tuan Puteri Cenderawati sepanjang ketiadaan Indera Nata? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah tanggungjawab seorang anak kepada seorang ibu? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ADAT SEZAMAN

Peradaban zaman semakin berlalu
meninggalkan kesan mendalam
terlalu indah apabila dipandang
terlalu mulia apabila diselidik
santun si dara jadi idaman
warak si teruna jadi ikatan
si tua tersenyum mesra
memandang teruna dara
sama cantik sama padan
berganding bersama
di singgahsana ...
Masa itu telah jauh
zaman sudah berlalu
santun sang dara
dan warak sang teruna telah lenyap
si tua berduka lara
memandang teruna dara
berganding tanpa silu
tanpa hormat
tanpa batasan
adat sezaman di tinggal jauh
adat agama dipandang remeh
adat kuning jadi ikutan.

Wan Nazihah Wan Abdullah

Antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

- (i) Mengapakah kehidupan anak muda sekarang berubah? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membendung budaya kuning daripada mempengaruhi generasi muda sekarang? [3 markah]
- (iii) Berikan **tiga** pengajaran yang diperoleh daripada sajak di atas. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **dua ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

(i) bunga

(ii) haus

(iii) gugur

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat di bawah ini kepada ayat songsang tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut.

(i) Pak Samad telah menjemput Fuad ke rumahnya untuk kenduri tahlil.

(ii) Penduduk kampung telah mengadakan gotong-royong membina surau bersama-sama dengan angkatan tentera.

(iii) Tsunami telah melanda Aceh dan Jepun selepas berlakunya gempa bumi berskala besar.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu tanpa menulis ayat itu semula. Anda tidak boleh mengubah struktur dan maksud asal ayat tersebut.

(i) Guru-guru hendaklah memperkukuhkan ilmu saikologi bagi menghadapi murid pada zaman teknologi maklumat.

(ii) Hajjah Rogayah telah menghadiahkan anak tunggalnya sebuah rumah sempena ulang tahun kelahiran anaknya itu.

(iii) Gejala hedonisme telah mempengaruhi remaja kita dengan pelbagai pembuatan yang bersifat anti-sosial.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu tanpa menulis ayat itu semula. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa itu.*

- (i) Semua rakyat mesti saling bantu-membantu sewaktu menghadapi kemiskinan ekonomi yang tidak menentu.
- (ii) Murid diminta berdiri untuk menyanyikan lagu patriotik bagi penghormatan kepada negara.
- (iii) Pengetua Sekolah-Pengetua Sekolah akan diberikan kenaikan darjat sempena sambutan Hari Guru Malaysia pada tahun ini.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Kedudukan pekerja Syarikat ABC seperti kerana kedudukan kewangan syarikat amat kritikal.
- (ii) Semua ahli masyarakat hendaklah bergotong-royong bak kata orang tua-tua
- (iii) Ibu bapa mesti mendidik anak-anak tentang amalan berbudi bahasa sejak kecil bak kata pepatah

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

7

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan tema yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Jelaskan **satu** nilai ketabahan yang terdapat dalam dua buah novel yang telah anda kaji.

[8 markah]

Kertas Soalan Tamat

8